

# USIM dianugerahkan status autonomi



**NILAI** - Kementerian Pendidikan semalam menganugerahkan status autonomi kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menjadikannya antara 12 buah institusi

pengajian tinggi awam (IPTA) yang setakat ini menerima status tersebut.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**) berkata, penganugerahan autonomi itu merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang perlu ditunaikan.

"Universiti harus lebih

peka dan berusaha keras kerana pihak kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan kita sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Watikan autonomi itu disampaikan Timbalan



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada Abdul Shukor sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu 2015 Kementerian Pendidikan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam.

Status autonomi diberikan apabila sesebuah

IPTA melepasi penilaian tahap kesediaan autonomi melebihi skor 85 peratus dalam komponen tertentu yang dinilai.

Autonomi yang diberikan mencakupi empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia serta Pengurusan Akademik dan Kemasu-

kan Pelajar.

Dengan pemberian autonomi ini, IPTA terbabit berhak untuk melaksanakan perkara-perkara di dalam pekeliling/surat pekeliling yang telah diluluskan atau diberi penurunan kuasa oleh Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti/Lembaga Governan Universiti. - Bernama